

UMS tubuh Makmal Diagnosis Haemofilia

Diagnosis gangguan pendarahan hanya 4 jam.

Hayati Dzulkifli

KOTA KINABALU: Pesakit haemofilia dan pakar klinik di Sabah dan Sarawak akan dapat mengetahui diagnosis tentang gangguan pendarahan yang dialami dalam masa tiga hingga empat jam dengan wujudnya Makmal Diagnosis Haemofilia di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini.

Naib Canselornya Prof. Datuk Dr, Kamaruzaman Hj, Ampon berkata, makmal itu dibuka di Sekolah Perubatan dalam universiti itu dalam jangka masa yang singkat iaitu lapan bulan pada 16 Ogos.

Beliau berkata, Makmal Haemostasis yang baharu itu menyediakan perkhidmatan makmal pengumpulan bagi diagnosis gangguan pendarahan bagi kesemua 26 hospital Kerajaan dan swasta di Sabah dan 27 hospital di Sarawak – berjumlah 53 hospital di wilayah ini termasuk Brunei Darussalam.

“UMS telah memberi kelegaan kepada para pesakit haemofilia dan pakar klinik, dengan akhirnya menubuhkan Makmal Diagnosis Haemofilia di Sekolah Perubatan kami.

“Walaupun hanya dikendalikan dua kakitangan – seorang pensyarah dan seorang pembantu teknologi makmal perubatan, makmal itu beroperasi dua puluh empat jam. Perkhidmatan makmal yang baharu ini memberi kelegaan kepada pesakit dan juga klinisian kerana sekarang ini sampel tidak lagi perlu dihantar ke Pusat Darah Negara di Kuala Lumpur.

“Dan pakar klinik tidak perlu menunggu tiga hingga empat hari sebelum keputusan diperoleh kerana makmal baharu itu menyediakan diagnosis pantas gangguan

haemofilia dalam masa tiga hingga empat jam dan pengurusan segera klinikal pesakit boleh dijalankan,” kata Dr Kamaruzamn.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada perasmian Persidangan Kebangsaan mengenai ‘Pengemaskinian dalam Haemostasis 2010’ di UMS di sini pada Rabu.

Timbalan Naib Canselor UMS untuk penyelidikan dan inovasi Datuk Prof Dr Rosnah Ismail membacakan ucapan Dr. Kamaruzaman.

Ini adalah persidangan pertama seumpamanya dianjurkan di wilayah Sabah, Sarawak dan Brunei Darussalam dan objektif persidangan itu adalah untuk membawa kesedaran tentang gangguan pendarahan kepada Sabah dan Sarawak terutamanya daripada sudut pandangan diagnostik makmal tersebut.

“Pada masa ini tidak ada kemudahan makmal yang cukup cekap di Sabah dan Sarawak untuk diagnosis Gangguan Pendarahan Biasa seperti Haemofilia A dan B iaitu gangguan pendarahan yang diwarisi dan pesakit terpaksa menanggung masalah pendarahan ini sepanjang hidup mereka.

“Pesakit Haemofilia yang teruk sering mengalami pendarahan seperti pendarahan dalam otot dan sendi, gusi berdarah, mudah lebam dan kadang kala pendarahan intrakranial,” kata Dr Kamaruzaman.

Beliau berkata persidangan itu boleh membantu ahli-ahli teknologi makmal perubatan yang mengambil bahagian serta para pegawai saintifik, khususnya di Sabah dan Sarawak untuk mengetahui tentang prosedur mudah mengenal pasti pelbagai peringkat penyakit tersebut.